

KAJIAN MENGENAI TEKANAN DAN PERSEKITARAN  
DI KALANGAN PUSTAKAWAN DI PERPUSTAKAAN  
AKADEMIK DAN AWAM

LAPORAN PENYELIDIKAN

LSC 358

DR. HANAFI DAWOOD DAN NORLAIR BT. HAJI NAZI

NORLAIR BT. HAJI NAZI

PENSYARAH PENASIHAT

DATUAN FUZIAH MOHD. NADZAR

KAJIAN SAINS PERPUSTAKAAN DAN MAKLUMAT

INSTITUT TEKNOLOGI MARA

PETALING JAYA

## ABSTRAK

Objektif utama kajiselidik ini ialah untuk mengetahui samada wujud atau tidak tekanan di kalangan pustakawan di perpustakaan-perpustakaan akademik dan awam di Malaysia. Namun ianya hanya melibatkan pegawai-pegawai ikhtisas atau profesional dari kedua-dua jenis perpustakaan tersebut. Perpustakaan yang dipilih ialah Perpustakaan Universiti kebangsaan Malaysia, Perpustakaan Universiti Pertanian Malaysia, Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor dan Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu. Penyelidikan ini hanya melibatkan tekanan di alam pekerjaan sahaja. Maklumat diperolehi melalui penggunaan borang soalselidik dan temubual berdepan. Tahap tekanan ahli profesional dinilai dengan menggunakan ujian "likert-scale". Dilihat dari kepentingannya, kajian ini dapat memberikan gambaran keadaan tekanan yang dialami oleh para pustakawan di perpustakaan akademik dan awam, mengesan punca-punca sebenar tekanan dan cara bagaimana mereka mengatasinya. Hasil penemuan penyelidikan membuktikan para pustakawan di kedua-dua jenis perpustakaan tersebut memang mengalami tekanan. Namun tahap tekanan yang mereka alami itu adalah pada peringkat rendah dan sederhana sahaja. Punca utama tekanan yang dialami oleh mereka adalah disebabkan kakitangan bawahan yang tidak melaksanakan tugasan dengan sempurna. Mereka juga bersetuju cara yang baik untuk mengatasi tekanan adalah dengan berbincang dengan rakan-rakan. Mereka juga berpendapat bahawa kerja dengan bersistematis dapat mengurangkan tahap tekanan. Dicadangkan agar pihak perpustakaan mengadakan ceramah, bengkel, forum dan sebagainya untuk kakitangan perpustakaan agar sekurang-kurangnya aktiviti sebegini dapat mengatasi masalah ini.

## **PENGHARGAAN**

Kami ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Puan Fuziah Mohd. Nadzar selaku pensyarah penasihat di atas segala tunjuk ajar, khidmat nasihat dan perhatian yang diberi disepanjang projek ini dijalankan.

Penghargaan ini seterusnya ditujukan kepada:

1. Dr. Rohani Nasir, Professor, Jabatan Psikologi, Universiti Kebangsaan Malaysia di atas kerjasama yang diberikan dalam proses memahami tekanan yang bertetapan.
2. Puan Normah Dali, Ketua Unit Statistik, Institut Teknologi MARA, di atas khidmat nasihat dalam bidang statistik.
3. Encik Wong Tuck Cheong, Pensyarah Ko-ordinator kertas LSC 358 yang telah memberi tunjuk ajar mengenai subjek kaedah penyelidikan.
4. En. Shaharuddin Wan Mohamad, pelajar lanjutan statistik, Institut Teknologi MARA di atas nasihat dan tunjuk ajar serta ke atas bantuan pemprosesan data dari peringkat awal hingga selesai.
5. Pustakawan dan kakitangan Perpustakaan Tun Abdul Razak, Institut Teknologi MARA Cawangan Jalan Othman, Petaling Jaya.

## **ISIKANDUNGAN**

<b>ABSTRAK</b>	<b>i</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>ii</b>
<b>PRAKATA</b>	<b>iv</b>
<b>ISIKANDUNGAN</b>	<b>v</b>

### **BAB SATU : PENGENALAN**

1.1 Objektif	4
1.2 Definisi	5
1.3 Limitasi Kajian	7

### **BAB DUA : KADEAH PENYELIDIKAN**

2.1 Kenyataan Masalah	8
2.2 Rekabentuk Penyelidikan	8
2.21 Pembentukan Borang Soal Selidik	9
2.3 Pengumpulan Data	9
2.4 Skop Penyelidikan	10
2.5 Pengukuran tekanan	11
2.6 Penganalisaan Data	11

### **BAB TIGA : ANALISA DESKRIPTIF**

3.1 Latarbelakang Perkhidmatan	13
3.2 Jumlah Responden Mengikut Jantina	13
3.3 Tahap Tekanan Yang Sama Dikedua-dua Jenis Perpustakaan	14
3.4 Wujud Lebih Tekanan Di Bahagian-bahagian Rujukan dari Lain-lain Bahagian	14
3.5 Komitmen Terhadap Kerja Meningkatkan Tahap Tekanan	15
3.6 Tahap kewujudan Tekanan	15
3.7 Cara-cara Mengatasi Tekanan	15
3.8 Pustakawan Di Tahap Jawatan Mana Menghadapi Lebih Tekanan	16
3.9 Faktor-Faktor Penyebab Tekanan Yang Sama Dialami Oleh Para Pustakawan	17

## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

Kerja adalah penting dalam kehidupan sehari-hari dan memainkan peranan penting dalam menentukan kesihatan dan kegembiraan seseorang pekerja itu. Menurut Cooper dan Marshall (1975), bekerja dalam sebuah organisasi bukan sahaja menyediakan sejumlah pendapatan kepada manusia, tetapi juga boleh menimbulkan tekanan dan desakan kepada mereka yang mana ini akan memberi kesan negatif kepada matlamat yang ingin dicapai oleh sesuatu organisasi dan keperluan individu.

Menurut Selye H. (1976), tekanan adalah reaksi individu terhadap sifat persekitaran kerja yang mengancamnya. Tekanan timbul hasil daripada hubungan diantara kecekapan individu dan persekitaran di tempat kerja yang tidak selaras dimana ini mungkin disebabkan oleh tuntutan yang berlebihan ke atas individu atau seseorang itu tidak berpotensi untuk mengendalikan sesuatu situasi kerja dengan sepenuhnya.

Tekanan kerja melibatkan interaksi yang kompleks antara individu dengan persekitaran kerja. Oleh itu, faktor persekitaran kerja individu memberi implikasi kepada tekanan kerja. Aspek persekitaran kerja adalah seperti ciri-ciri tugas, peranan organisasi dan sebagainya. Memandangkan penyelidikan ini berdasarkan kepada iklim pekerjaan, maka dalam menilai ketegangan di tempat kerja, ianya bolehlah di konsepsikan kepada tiga perkara utama iaitu: